



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGGUNAAN APLIKASI CLIPCHAMP DALAM KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA TAMIL MURID TINGKATAN 1

ANJALAI A/P APASAMY



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGUNAAN APLIKASI CLIPCHAMP DALAM KEMAHIRAN MEMBACA
BAHASA TAMIL MURID TINGKATAN 1**

ANJALAI A/P APASAMY

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA TAMIL
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuhan kerana telah memberikan saya peluang, kekuatan serta ketabahan untuk menyempurnakan kajian ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses penyediaan disertasi ini. Setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Karthees Ponniah yang telah membimbing dan memberikan idea yang mantap berterusan dengan penuh kesabaran dan prihatin. Bimbingan dan tunjuk ajar yang berharga ini telah membantu saya untuk menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna. Terima kasih diucapkan kepada semua pensyarah-pensyarah daripada Program Bahasa Tamil, UPSI, pegawai-pegawai daripada Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) yang turut membantu dalam menyiapkan penyelidikan saya. Terima kasih yang amat istimewa turut ditujukan kepada suami tercinta saya, En.Raman Subramaniam yang sentiasa memberikan sokongan moral dan dorongan sepanjang perjalanan pengajian ini. Kesabaran dan pengorbanan beliau menjadi sumber kekuatan utama yang membantu saya terus melangkah walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran. Seterusnya, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang mengikuti kursus yang sama, G.Rajeswari, P. Kala, C. Mullay Chandra, M. Puvaneswari dan R. Vimona atas semangat, kerjasama, perkongsian ilmu dan sokongan moral yang diberikan. Akhir sekali, setulus penghargaan ditujukan kepada semua rakan sekerja saya di SMK Kalumpang yang telah membantu saya secara langsung dan tidak langsung, sama ada melalui perbincangan, sokongan moral mahupun bantuan.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan penggunaan video Clipchamp dalam meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid Tingkatan 1 bagi mata pelajaran Bahasa Tamil. Isu utama yang dikenalpasti ialah murid tidak menguasai pengecaman huruf serta tidak memiliki kelancaran membaca yang memuaskan iaitu berada pada tahap yang terhad berdasarkan panduan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen yang melibatkan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Seramai 10 murid telah dipilih menjadi sampel kajian. Ujian pra secara PdP konvensional dijalankan dan bahan membaca yang sama digunakan pada sampel kajian dan dibahagikan kepada kumpulan kawalan dan rawatan berdasarkan pencapaian tahap penguasaan (TP) mereka. Kaedah kuantitatif dipilih dengan menggunakan instrumen kajian terdiri daripada ujian pra, ujian pasca, analisis dokumen merujuk rubrik pemarkahan dalam bentuk TP dan pemerhatian digunakan bagi menilai perbandingan sebelum dan selepas kaedah PdP berbantuan video Clipchamp. Selama lapan minggu kumpulan rawatan telah didedahkan dengan pengajaran dan pembelajaran berbantuan video Clipchamp dan kumpulan kawalan diajar menggunakan kaedah konvensional. Kedua-dua kumpulan diberikan ujian pra pada awal uji-kaji dan ujian pasca pada akhir uji-kaji. Pengkaji mendapati terdapat peningkatan yang ketara dalam kemahiran membaca kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan iaitu meningkat nilai purata kepada 3.4 daripada 1.4. Implikasi daripada kajian ini ialah guru-guru Bahasa Tamil perlu mengintegrasikan penggunaan video Clipchamp dalam PdP mereka agar memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran sama ada di sekolah ataupun di rumah. Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan kepada ibubapa dan selaras dengan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pembaharuan pedagogi dan integrasi teknologi.

Kata kunci: Bahasa Tamil, DSKP, tahap penguasaan kemahiran membaca, aplikasi Clipchamp





THE EFFECTIVENESS OF USING CLIPCHAMP VIDEO IN ENHANCING TAMIL LANGUAGE READING SKILLS AMONG FORM 1 STUDENTS

ABSTRACT

This study aimed to evaluate the effectiveness of using Clipchamp video in enhancing reading skills among Form 1 students for the Tamil Language subject. The main issue identified was the students' weak reading proficiency, as they had not mastered letter recognition and possessed limited reading fluency, a restricted level according to the guidelines of the Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). This research employed a quasi-experimental design involving a treatment group and a control group. A total of 10 students were selected as the study sample. A pre-test using conventional teaching and learning (PdP) methods and identical reading material was administered to the sample, and the students were then divided into control and treatment groups based on their level of performance. A quantitative method was chosen, utilizing research instruments consisting of a pre-test, a post-test, document analysis referencing the level performance scoring rubric, and observation to assess the comparison before and after the teaching and learning method assisted by Clipchamp video. The treatment group was exposed to teaching and learning using Clipchamp video for eight weeks, while the control group was taught using conventional methods. Both groups were given a pre-test at the beginning of the experiment and a post-test at the end. The researcher found a significant improvement and the average increased to 3.4 from 1.4 in reading skills in the treatment group compared to the control group. Therefore, this study proves that the use of Clipchamp video can enhance the level of performance in Tamil language reading skills among Form 1 students. The implications of this study suggest that Tamil Language teachers should integrate the use of Clipchamp video into their teaching. This study is expected to contribute to parents and align with the efforts of the Ministry of Education Malaysia towards pedagogical renewal and technology integration.

Keywords: Tamil Language, DSKP, level of performance reading skill, Clipchamp application





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Batasan Kajian	8
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.7.1 Guru	9
1.7.2 Murid	10
1.7.3 Ibubapa	11
1.7.4 Kementerian Pendidikan Sekolah	12
1.8 Sumber Kajian	12
1.9 Definisi Operational	13
1.9.1 Aplikasi video Clipchamp	13
1.9.2 Kemahiran membaca	13
1.9.3 Kaedah Pengajaran Konvensional	14
1.9.4 Bahan mengajar interaktif	14
1.10 Kesimpulan	15



**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	16
2.2 Kemahiran Membaca	17
2.3 Bahan multimedia interaktif	21
2.4 Model Teori Dual Coding Paivio	27
2.5 Kesimpulan	29

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	30
3.2 Reka Bentuk Kajian	31
3.3 Kerangka Teori	33
3.4 Instrumen Kajian	34
3.4.1 Ujian Pra	34
3.4.2 Ujian Pasca	35
3.4.3 Borang Rubrik Pemarkahan dalam bentuk TP	35
3.4.4 Rubrik Tahap Penguasaan Murid Mengikut Kriteria Berdasarkan DSKP	37
3.5 Populasi dan pensampelan	38
3.6 Kajian Rintis	39
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	40
3.8 Penganalisisan Data	41
3.9 Rumusan	41

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	42
4.2 Latar Belakang Responden	43
4.2.1 Demografi Responden Mengikut Kumpulan, Jantina dan Peranti	44
4.3 Tahap penguasaan kemahiran membaca murid sebelum menggunakan aplikasi video Clipchamp	44
4.3.1 Keputusan Pra Ujian Sebelum Penggunaan aplikasi video Clipchamp	45
4.3.2 Kriteria Berkelayakan Bagi TP3 Berpanduan DSKP KSSM	47
4.3.3 Kriteria Berkelayakan Bagi TP4 Berpanduan DSKP KSSM	48
4.3.4 Kriteria Berkelayakan Bagi TP1 Berpanduan DSKP KSSM	49
4.3.5 Kriteria Berkelayakan Bagi TP2 Berpanduan DSKP KSSM	50
4.4 Tahap penguasaan kemahiran membaca murid selepas penggunaan aplikasi video Clipchamp	52
4.4.1 Tahap Penguasaan Aktiviti Minggu Pertama	52
4.4.2 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP1	54
4.4.3 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP2	55
4.4.4 Tahap Penguasaan Aktiviti Minggu Kedua	56





4.4.5 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP1	57
4.4.6 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP2	59
4.4.7 Kriteria Tahap Penguasaan TP3 dalam Kemahiran Membaca	60
4.4.8 Tahap Penguasaan Aktiviti Minggu Ketiga	61
4.4.9 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP1	62
4.4.10 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP2	65
4.4.11 Kriteria Tahap Penguasaan TP3 dalam Kemahiran Membaca	66
4.4.12 Tahap Penguasaan Aktiviti Minggu Keempat	67
4.4.13 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP1	69
4.4.14 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP2	69
4.4.15 Kriteria Tahap Penguasaan TP3 Dalam Kemahiran Membaca	71
4.4.16 Tahap Penguasaan Aktiviti Minggu Kelima	71
4.4.17 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP2	72
4.4.18 Kriteria Tahap Penguasaan TP3 dalam Kemahiran Membaca	74
4.4.19 Kriteria Tahap Penguasaan TP4 dalam Kemahiran Membaca	75
4.4.20 Tahap Penguasaan Aktiviti Minggu Keenam	76
4.4.21 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP2	77
4.4.22 Kriteria Tahap Penguasaan TP3 dalam Kemahiran Membaca	78
4.4.23 Kriteria Tahap Penguasaan TP4 dalam Kemahiran Membaca	79
4.4.24 Tahap Penguasaan Aktiviti Minggu Ketujuh	80
4.4.25 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP2	81
4.4.26 Kriteria Tahap Penguasaan TP3 dalam Kemahiran Membaca	82
4.4.27 Kriteria Tahap Penguasaan TP4 dalam Kemahiran Membaca	83
4.4.28 Tahap Penguasaan Aktiviti Minggu Kelapan	84
4.4.29 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP2	85
4.4.30 Kriteria Tahap Penguasaan TP3 dalam Kemahiran Membaca	86
4.4.31 Kriteria Tahap Penguasaan TP4 dalam Kemahiran Membaca	87
4.4.32 Kriteria Tahap Penguasaan TP5 dalam Kemahiran Membaca	88
4.5 Analisis Pencapaian Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Mengikut Aktiviti Mingguan bagi Kumpulan Rawatan	89
4.5.1 Analisis Pencapaian Tahap Penguasaan	89



Kumpulan Rawatan	
4.6 Analisis Perbandingan Tahap Penguasaan Ujian Pra dan Ujian Pos Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	90
4.6.1 Perbandingan Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca	90
4.7 Rumusan	97
BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN	
5.1 Pengenalan	98
5.2 Rumusan hasil kajian	99
5.3 Perbincangan dapatan kajian	100
5.3.1 Apakah tahap penguasaan kemahiran membaca Bahasa Tamil sebelum menggunakan aplikasi video Clipchamp?	100
5.3.2 Apakah tahap penguasaan kemahiran membaca selepas penggunaan aplikasi video Clipchamp?	101
5.3.3 Apakah perbandingan tahap penguasaan kemahiran membaca antara PdP konvensional dan PdP melalui aplikasi video Clipchamp?	102
5.4 Implikasi Kajian	103
5.4.1 Guru	103
5.4.2 Murid	103
5.4.3 Ibubapa	104
5.4.4 Kementerian Pendidikan Malaysia	104
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	105
5.6 Kesimpulan	106
RUJUKAN	108



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.4.4 Rubrik Tahap Penguasaan Murid Mengikut Kriteria Berdasarkan DSKP	37
4.2.1 Demografi Responden Mengikut Kumpulan, Jantina dan Peranti	44
4.3.1 Keputusan Pra Ujian Sebelum Penggunaan Aplikasi Video Clipchamp	45
4.3.2 Kriteria Berkelayakan Bagi TP3 Berpanduan DSKP KSSM	47
4.3.3 Kriteria Berkelayakan Bagi TP4 Berpanduan DSKP KSSM	48
4.3.4 Kriteria Berkelayakan Bagi TP1 Berpanduan DSKP KSSM	49
4.3.5 Kriteria Berkelayakan Bagi TP2 Berpanduan DSKP KSSM	50
4.4.1 Tahap Penguasaan Aktiviti Minggu Pertama	52
4.4.2 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP1	54
4.4.3 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP2	55
4.4.4 Tahap Penguasaan Aktiviti Minggu Kedua	56
4.4.5 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP1	57
4.4.6 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP2	59
4.4.7 Kriteria Tahap Penguasaan TP3 dalam Kemahiran Membaca	60
4.4.8 Tahap Penguasaan Aktiviti Minggu Ketiga	61
4.4.9 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP1	62
4.4.10 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP2	65
4.4.11 Kriteria Tahap Penguasaan TP3 dalam Kemahiran Membaca	66
4.4.12 Tahap Penguasaan Aktiviti Minggu Keempat	67
4.4.13 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP1	68
4.4.14 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP2	69



4.4.15 Kriteria Tahap Penguasaan TP3 Dalam Kemahiran Membaca	70
4.4.16 Tahap Penguasaan Aktiviti Minggu Kelima	71
4.4.17 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP2	72
4.4.18 Kriteria Tahap Penguasaan TP3 dalam Kemahiran Membaca	74
4.4.19 Kriteria Tahap Penguasaan TP4 dalam Kemahiran Membaca	75
4.4.20 Tahap Penguasaan Aktiviti Minggu Keenam	76
4.4.21 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP2	77
4.4.22 Kriteria Tahap Penguasaan TP3 dalam Kemahiran Membaca	78
4.4.23 Kriteria Tahap Penguasaan TP4 dalam Kemahiran Membaca	79
4.4.24 Tahap Penguasaan Aktiviti Minggu Ketujuh	80
4.4.25 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP2	81
4.4.26 Kriteria Tahap Penguasaan TP3 dalam Kemahiran Membaca	82
4.4.27 Kriteria Tahap Penguasaan TP4 dalam Kemahiran Membaca	83
4.4.28 Tahap Penguasaan Aktiviti Minggu Kelapan	84
4.4.29 Jenis-jenis Masalah yang Dikenalpasti Bagi Murid TP2	85
4.4.30 Kriteria Tahap Penguasaan TP3 dalam Kemahiran Membaca	86
4.4.31 Kriteria Tahap Penguasaan TP4 dalam Kemahiran Membaca	87
4.4.32 Kriteria Tahap Penguasaan TP5 dalam Kemahiran Membaca	88
4.5.1 Analisis Pencapaian Tahap Penguasaan Kumpulan Rawatan	89
4.6.1 Perbandingan Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca	90



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.2 Reka Bentuk Kuasi Eksperimen	32
3.3 Kerangka Teori	33
3.4.3 Rubrik Pemarkahan dalam Bentuk Tahap Penguasaan Berdasarkan DSKP	36





SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
TP	Tahap Penguasaan
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
PBD	Pentaksirann Bilik Darjah
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcara
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah



SENARAI LAMPIRAN

- A BORANG RUBRIK PEMARKAHAN TP
- B CONTOH BAHAN BACAAN PDPC KONVENSIONAL
- C CONTOH BAHAN BACAAN DALAM VIDEO CLIPCHAMP

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian ini berfokus kepada penggunaan aplikasi video Clipchamp dalam kemahiran membaca Bahasa Tamil murid Tingkatan 1. Dalam bab ini, ada pelbagai topik dapat dibincangkan seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah dan objektif kajian. Seterusnya, tentang persoalan kajian, hipotesis kajian dan batasan kajian juga dapat diterangkan dalam bab ini. Selain itu, kepentingan kajian, sumber kajian, definisi operasional dan kesimpulan juga terkandung dalam bab ini.



1.2 Latar belakang

Bahasa merupakan satu media komunikasi yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu mesej melalui tulisan, bunyi, gambar dan sebagainya. Bahasa juga merupakan satu identiti kepada setiap bangsa di seluruh dunia ini. Dalam pelbagai bahasa, Bahasa Tamil adalah sebuah bahasa ibunda kepada berbangsa India dan juga menjadi bahasa penghantar di sekolah jenis kebangsaan Tamil. Bahasa Tamil juga diajar sebagai matapelajaran tambahan di sekolah menengah dimana akan mendorong untuk melanjutkan pelajarannya di Universiti Malaya dan Universiti Pendidikan Sultan Idris dalam bidang Bahasa Tamil.



Pendidikan Tamil di Malaysia bermula pada tahun 1816 dan sekolah rendah Tamil pertama ialah Penang Free School di Pulau Pinang. Semasa pertumbuhan ladang getah pihak British membawa masuk ramai buruh dari negara India dan ditempatkan mereka di kawasan ladang. Oleh itu, kerajaan British membuka banyak sekolah rendah Tamil dan bilangan sekolah Tamil meningkat secara berperingkat. Selepas kemerdekaan pada tahun 1958, sebagai polisi pendidikan kebangsaan, kerajaan memperkenalkan Bahasa Tamil sebagai matapelajaran elektif di sekolah menengah. Sejak era Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sehingga pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), mata pelajaran Bahasa Tamil masih diajari mengikut DSKP yang ditetapkan oleh KPM untuk memastikan semua murid menerima pendidikan sama rata tanpa mengira bangsa.





Dalam menyediakan golongan masyarakat yang berpendidikan lengkap dan berdaya saing dalam menangani cabaran global di masa depan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menggubalkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi sekolah menengah. Dalam kurikulum ini, diberi penekanan kepada penguasaan kemahiran abad ke-21 seperti kritis, kreatif dan inovatif, penyelesaian masalah dan kepimpinan untuk membolehkan murid bersaing di peringkat global. Ke arah matlamat tersebut, KPM menyediakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dalam bentuk pernyataan standard dimana terdiri kepada dua pernyataan iaitu Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP). Kedua-dua standard ini berteraskan kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis, ilmu dan nilai. Tambahan pula, standard kurikulum juga direka bentuk berasaskan lima pendekatan modular yang merentasi empat kemahiran bahasa dan aspek bahasa.

Bahasa Tamil merupakan bahasa ibunda bagi etnik India dan juga menjadi bahasa pengantar di SJK Tamil. Bahasa Tamil juga diajar sebagai matapelajaran tambahan di sekolah menengah. Antara kedua-dua sekolah ini, masing-masing mempunyai proses PdPc yang berlainan dari segi kaedah pengajaran, bahan bantu mengajar, kurikulum yang berbeza dalam membantu murid menguasai kemahiran membaca, menulis, bertutur dan mendengar dalam bahasa Tamil. Di peringkat sekolah rendah, guru memberi penekanan terhadap penguasaan asas bahasa. Manakala, di peringkat sekolah menengah pula, guru berfokus pada pemantapan kemahiran bahasa, pemahaman teks dan merangsang kepada pemikiran kritis dan kreatif.





Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) adalah salah satu pentaksiran berterusan yang seiring dengan PdP untuk mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilaporkan mengikut tahap-tahap pencapaian dalam bentuk tahap penguasaan (TP) iaitu TP1 hingga TP6 seperti yang dihasratkan dalam dokumen kurikulum. Tahap penguasaan adalah untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hierarki digunakan bagi tujuan pelaporan individu berdasarkan kelompok standard (DSKP).

Seiring dengan perkembangan teknologi, aplikasi video Clipchamp merupakan satu alat penyuntingan video secara talian. Ia membolehkan semua pengguna mengimport, menyunting, dan mengeksport bahan berkait multimedia seperti audio, video, animasi terus melalui pelayar web. Aplikasi Clipchamp adalah satu model hibrid aplikasi desktop dan juga dalam talian, di mana pemprosesan video boleh dilakukan samada dalam komputer ataupun melayari laman web.

Pada era digital ini, teknologi memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan manusia, termasuk dalam bidang pendidikan. Penggunaan teknologi sebagai bahan bantu mengajar (BBM) telah menjadi satu kaedah PdPc yang selaras dengan kehendak perubahan generasi murid masa kini. Penggunaan teknologi dalam PdPc dapat membantu pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan. Hal ini kerana, multimedia adalah salah satu media daripada elemen teknologi. Video yang dibina melalui aplikasi Clipchamp dengan gabungan elemen multimedia seperti gambar, audio, video, animasi, teks dapat menarik perhatian murid-murid semasa PdPc





dijalankan. Ia juga dikenali sebagai bahan interaktif multimedia yang dapat menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran murid. Selain itu, bahan interaktif multimedia bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah meningkatkan kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran (DSKP).

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Kemahiran membaca merupakan salah satu kemahiran yang amat penting dimana tidak boleh diabaikan semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdPc). Kemahiran ini juga adalah satu proses berterusan yang diajari oleh guru dan dipelajari oleh murid-murid dari sekolah rendah sehingga menamatkan persekolahan sehingga peringkat SPM demi mencapai keputusan yang terbaik dalam akademik. Walau bagaimanapun, sejak pandemik Covid-19 melanda pada tahun 2019 dan pemansuhan peperiksaan UPSR dan PT3 sering mendengari bahawa tahap penguasaan membaca dalam kalangan murid semakin merosot. Secara tidak langsungnya, dua faktor ini memberi impak yang negatif terhadap penguasaan tahap membaca samada murid sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Menurut sebuah artikel dalam Sinar Harian (2024), pemansuhan UPSR dan PT3 pada tahun 2021 menyebabkan murid ambil lewa sehingga kurang motivasi untuk belajar, seterusnya menjejaskan penguasaan kemahiran membaca. Menurut daripada kajian Ganesh Mukayah (2021), mendapati bahawa murid kurang berminat untuk membaca kerana murid tidak menggemari kaedah pembelajaran yang



diamalkan secara tradisional iaitu 'Kaedah Chalk and Talk', tidak mengambil inisiatif untuk membaca secara tersendiri dan tabiat membaca di rumah sangat berkurangan.

Selain itu, satu lagi masalah yang dilaporkan oleh Gonzalez et al.(2022), pandemik menyebabkan kekurangan pendedahan bahan bacaan yang berstruktur seperti buku teks, cerita pendek, bahan bacaan yang interaktif kerana pembelajaran di sekolah digantikan dengan pembelajaran atas talian di rumah iaitu Google Meet sebagai langkah menangani cabaran Pandemik Covid-19.

Menurut kajian Habibah Mohammad et al. (2023), selepas pasca pandemik Covid-19, murid-murid tidak lagi berminat membaca bahan bacaan berbentuk fizikal kerana ia amat membosankan. Manakala, bahan bacaan digital menarik minat murid untuk membaca.

Menurut Intan Nur Syuhada Hamzah (2021) semasa Covid-19, telah berwujud satu norma baharu dimana melihat adaptasi pengajaran dan pembelajaran secara talian dan penggunaan bahan PdP yang interaktif dengan bantuan teknologi Focusky, iClone, Video Explainers, Wave dan Lively agar pelajar lebih fokus dan memahami pengajaran dengan lebih cepat.

Kenyataan daripada kajian Ainnieda dan Nor Azwahanum (2023), mendapat penjelasan bahawa pedagogi yang bersifat konvensional ini menyumbang kepada

amalan pengajaran yang statik, mewujudkan jurang antara guru dan murid serta keterbatasan pembentukan kemenjadian murid.

Justeru, satu kajian yang menjurus kepada bahan interaktif multimedia yang menarik dalam PdPc dan pengajaran kemahiran membaca amat diperlukan. Hal ini kerana guru dapat menjalankan penggunaan video Clipchamp sebagai bahan interaktif multimedia dalam kemahiran membaca.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada pernyataan masalah, kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Menenalpasti tahap penguasaan kemahiran membaca Bahasa Tamil sebelum menggunakan aplikasi video Clipchamp.
- ii. Menenalpasti tahap penguasaan kemahiran membaca Bahasa Tamil selepas menggunakan aplikasi video Clipchamp.
- iii. Membandingkan tahap penguasaan kemahiran membaca antara PdP konvensional dan PdP melalui aplikasi video Clipchamp.



1.5 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian yang dijalankan bertujuan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- i. Apakah tahap penguasaan kemahiran membaca Bahasa Tamil sebelum menggunakan aplikasi video Clipchamp?
- ii. Apakah tahap penguasaan kemahiran membaca selepas penggunaan aplikasi video Clipchamp?
- iii. Apakah perbandingan tahap penguasaan kemahiran membaca antara PdP konvensional dan PdP melalui aplikasi video Clipchamp?



1.6 BATASAN KAJIAN

Terdapat beberapa batasan bagi kajian ini. Pertama sampel kajian ini terdiri daripada murid Tingkatan 1 yang mengambil Bahasa Tamil di sebuah sekolah menengah sekitar daerah Hulu Selangor, Selangor. Dalam kajian ini pengkaji melibatkan seramai 10 orang murid. Rasional pemilihan murid Tingkatan 1 bagi kajian ini ialah pengkaji percaya bahawa permasalahan kemahiran membaca perlu diatasi sejak awal iaitu ketika murid berada Tingkatan 1. Sekiranya gagal mengatasi sejak Tingkatan 1, ia akan memberi perubahan negatif terhadap sikap dan pembelajaran murid sehingga rasa



bosan untuk belajar Bahasa Tamil dan tidak berminat datang ke sekolah. Tambahan pula, guru mata pelajaran juga turut berasa terbeban dan kecewa apabila murid yang berada pada tahap rendah naik ke tingkatan seterusnya tanpa menunjukkan sebarang perubahan positif dalam kemahiran membaca.

Selain itu, tempoh masa yang diperuntukan untuk menjalankan kajian ini ialah sebanyak 8 minggu. Daripada tiga waktu dalam seminggu, hanya satu waktu digunakan untuk memudahkan pelaksanaan kajian pada setiap minggu. Kajian ini hanya berfokus kepada tahap penguasaan kemahiran membaca Bahasa Tamil dengan penggunaan aplikasi video Clipchamp.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini memberi sumbangan yang penting kepada pihak-pihak tertentu sepertimana dinyatakan di bawah:

1.7.1 Guru

Penggunaan aplikasi video Clipchamp dalam kemahiran membaca Bahasa Tamil mesti membantu guru untuk memperbaiki kaedah pengajaran sebagai bahan interaktif



teknologi bagi menarik minat murid. Kaedah ini mewujudkan satu suasana pembelajaran yang menyeronokan dan memotivasikan murid untuk pembelajaran sendiri tanpa didik bimbingan guru. Hal ini kerana, elemen-elemen multimedia yang digunakan dalam aplikasi ini seperti teks, audio, animasi, muzik dan sebagainya menarik perhatian murid untuk memupuk fokus terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdPc) di kelas. Selain itu, guru juga boleh menggunakan aplikasi ini sebagai bakal modul pemulihan kemahiran membaca untuk Bahasa Tamil pada bila-bila masa samada di sekolah ataupun di rumah. Ia juga membantu guru mudah menilai dan mentaksir tahap penguasaan murid dalam kemahiran membaca.



1.7.2 Murid

Melalui aplikasi video Clipchamp ini, murid boleh muat turun video sebagai bahan latihan ataupun ulangkaji semasa berada di rumah. Murid juga boleh belajar sendiri tanpa bimbingan guru ataupun ibubapa. Selain itu, murid juga boleh mempertingkatkan tahap penguasaan kemahiran membaca dalam tempoh masa yang singkat dengan menggunakan peranti dari rumah masing-masing. Murid boleh memainkan video berulang kali sehingga mencapai tahap penguasaan dan tidak perlu menunggu sehingga guru mata pelajaran atau ibubapa membantu murid tersebut. Penggunaan aplikasi video Clipchamp juga menjadi satu perangsang kepada murid-murid untuk meningkatkan tahap penguasaan kemahiran membaca dari masa ke semasa. Video ini juga menjadi satu bahan rujukan murid apabila diperlukan untuk memastikan kriteria-kriteria seperti



kelancaran membaca, intonasi, sebutan, penggunaan tanda dicapai sehingga tahap cemerlang.

1.7.3 Ibubapa

Ibubapa juga boleh berkongsi video Clipchamp kepada anak-anaknya dengan bertujuan melatih, menguji dan menilai tahap penguasaan kemahiran membaca anak-anaknya pada bila-bila masa. Amalan ibubapa seperti ini, sentiasa menjadi satu peringatan kepada anak-anaknya bahawa ibubapa sedang memantau mereka. Maka, murid-murid akan mula mengambil prihatin terhadap pembelajaran apabila dapat diketahui ibubapa sering memantau mereka. Ibubapa juga tidak perlu merisau sangat dan tidak perlu berasa serba salah jika ibubapa ketidakcukupan masa untuk mengajar anak-anaknya di rumah selepas balik dari kerja. Malah, aplikasi video ini dapat menarik perhatian anak-anak melalui audio, video, teks dan gambar yang digabungkan dalam video Clipchamp ini menjadi satu bahan interaktif yang menarik.

1.7.4 Kementerian Pendidikan Malaysia

Bagi menyelesaikan masalah kemahiran membaca Bahasa Tamil di kalangan murid, sebagai intervensi susulan pihak KPM boleh menggunakan bahan-bahan video Clipchamp ini sebagai bahan bantu mengajar (BBM). KPM juga boleh war-warkan bahan-bahan Clipchamp ini kepada semua warga sekolah dan juga boleh menjadikan bahan-bahan video ini sebagai Modul/Kit Pemulihan Bahasa Tamil dalam Portal Delima Edu supaya dapat menangani kemahiran membaca yang kurang memuaskan dalam kalangan murid India.

1.8 SUMBER KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan sumber kajian seperti bahan bacaan murid dalam bentuk video Clipchamp dan borang pemarkahan dalam bentuk tahap penguasaan(TP) berdasarkan panduan DSKP bagi memperoleh data ujian pra dan ujian pasca. Semua sumber ini digunakan bagi menyokong dan mengukuhkan dapatan kajian.



1.9 DEFINISI OPERASIONAL

1.9.1 Aplikasi video Clipchamp

Sebuah platform suntingan video dimana boleh digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil. Dalam suntingan video ini, boleh menggunakan bahan visual, audio, gambar, muzik, animasi, teks, emoji dan sebagainya. Aplikasi ini boleh diakses samada di peranti ataupun komputer. Lagipun, video yang dibina daripada aplikasi ini boleh muat turun dan berkongsi kepada semua pada bila-bila masa juga.



1.9.2 Kemahiran membaca

Kemahiran membaca merujuk kepada kebolehan murid untuk membaca, memahami, menaakul, menganalisis dan memindahkan maklumat serta menjana idea daripada pelbagai bahan bacaan dari tahap sangat terhad sehingga mencapai tahap cemerlang. Merujuk pada standard pembelajaran dalam DSKP, tahap penguasaan dalam bentuk TP digunakan dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) untuk menilai dan membandingkan sejauh murid menguasai tahap penguasaan kemahiran membaca. Tahap penguasaan ini terdiri daripada tahap rendah hingga cemerlang iaitu T1 hingga TP6. Berdasarkan setiap tahap, memastikan murid mencapai kriteria-kriteria sepertimana dinyatakan dalam



DSKP. Contohnya, murid perlu menguasai aspek kelancaran membaca, intonasi, sebutan, penggunaan tanda baca untuk mencapai tahap penguasaan yang ditetapkan.

1.9.3 Kaedah Pengajaran Konvensional

Pendekatan pengajaran tanpa penggunaan kemudahan digital. Biasanya, guru menggunakan buku teks, latihan bertulis dan aktiviti membaca secara langsung dalam kelas. Selain itu, kebanyakan kali guru menjalankan PdPc yang berpusat kelas. Biasanya, kaedah pengajaran konvensional adalah pengajaran sehalu dimana peluang untuk penglibatan murid ini sangat kurang.

1.9.4 Bahan mengajar interaktif

Merujuk kepada sumber pembelajaran yang dirancang untuk melibatkan murid secara aktif dalam proses pembelajaran. Kebanyakan kali, guru selalu menggunakan bahan mengajar interaktif seperti Livework Sheet, Canva, Quizze, Filmora, Capcut dan sebagainya yang seiring dengan perkembangan teknologi kini. Dengan gabungan audio bacaan, animasi, teks, suara latar dan lain-lain elemen multimedia, guru boleh merancang dan melaksanakan PdPc melalui pendekatan permainan dalam talian, kerja projek, siaran video dan sebagainya. Ia memastikan suasana yang menyeronok dan berfokus dalam kalangan murid semasa proses PdPc.

1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini memberi penjelasan tentang kajian yang ingin dijalankan. Bab ini juga dapat menghuraikan dan menjelaskan perkara-perkara yang menjadi asas dan hala tuju kajian ini. Dalam bahagian objektif kajian, pengkaji telah menetapkan matlamat yang hendak dicapai di akhir kajian ini. Tiga persoalan kajian turut ditentukan berdasarkan objektif-objektif yang telah ditetapkan terlebih dahulu. Kepentingan kajian ini difokuskan kepada guru, murid, ibubapa dan KPM. Bab yang seterusnya akan membincangkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini.